

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

**PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2015**

BORANG 11

[Peraturan 20]

**NOTIS MENUNTUT BAYARAN JUMLAH WANG YANG KENA DIBAYAR OLEH
PEMBELI ATAU PEMUNYA PETAK**

Kepada:

[Nama dan alamat pembeli/pemunya petak]

No. petak/No. unit:..... No. Bangunan/No. Blok.....

Nama kawasan pemajuan.

BAHAWASANYA kamu telah melakukan suatu pelanggaran peruntukan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (“Akta”) dengan-

* gagal membayar kepada pemaju di bawah subseksyen 12(5) Akta:

*(a) Caj berjumlah RM.....;

*(b) caruman kepada kumpulan wang penjelas berjumlah RM.....;

* gagal membayar kepada badan pengurusan bersama di bawah subseksyen 25(6) Akta:

*(a) Caj berjumlah RM.....;

*(b) caruman kepada kumpulan wang penjelas berjumlah RM.....;

* gagal melepaskan sepenuhnya liabiliti berkenaan dengan jumlah wang yang ditanggung dengan sah oleh badan pengurusan bersama di bawah subseksyen 21(4) Akta dan/atau subseksyen 33(1) Akta yang dijamin oleh kamu sebagai pemunya petak, berjumlah RM.....;

DAN BAHAWASANYA jumlah RM..... tersebut telah menjadi boleh didapatkan dari kamu menurut peruntukan Akta yang dinyatakan di atas;

Kami sebagai *pemaju/*badan pengurusan bersama, menurut kuasa yang diberi oleh subseksyen 34(1) Akta dengan ini menuntut pembayaran jumlah yang tertunggak dalam tempoh hari (Nota 1) dari tarikh penyampaian notis ini, dan jika jumlah wang tersebut masih tidak dibayar pada akhir tempoh itu, kami boleh memfailkan suatu saman atau tuntutan dalam suatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa atau dalam Tribunal Pengurusan Strata untuk mendapatkan jumlah wang itu, atau sebagai alternatif, mendapatkan jumlah wang di bawah seksyen 35 melalui penahanan harta alih.

AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa, mana-mana pembeli atau pemunya petak yang, tanpa alasan yang munasabah, tidak mematuhi notis ini melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 34(1) Akta dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bertarikh:.....

.....
Tandatangan penandatangan yang diberi kuasa bagi *pemaju/*badan pengurusan bersama

Nama:.....

*Jawatan.....

**potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Nota:

- (1) Tidak boleh kurang daripada empat belas hari dari tarikh penyampaian notis ini.